

KERATAN AKHBAR


TARIKH : 31 MEI 2025

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA : 38

SURAT

Agenda ekonomi perlu diteruskan



Perletakan jawatan Rafizi tidak jejas reformasi ekonomi

Agenda ekonomi perlu diteruskan

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkinawati@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Agenda reformasi ekonomi negara perlu diteruskan tanpa mengira siapa yang menyandang jawatan Menteri Ekonomi kerana ia adalah agenda negara dan bukan agenda individu.

Profesor Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Mohd. Rizal Palil berkata, dasar nasional tersebut juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

"Oleh itu, sesiapa pun yang menjawat jawatan itu perlu meneruskan agenda tersebut.

"Sayajangkakan siapa yang menyandang jawatan menteri ekonomi pasti mampu meneruskan kemapanan ekonomi khususnya kebajikan rakyat berpendapatan rendah. Ini bagi membolehkan kebajikan rakyat terus dijaga," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia.

Sementara itu, Pengerusi Peratuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta), William Ng menggesa kerajaan untuk memastikan kesinambungan agenda ekonomi yang telah ditetapkan oleh kerajaan.



RAFIZI Ramli ketika bercakap pada Sidang Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke-16 sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

reformasi ekonomi jangka panjang, susulan peletakan jawatan Menteri Ekonomi.

Menurutnya, negara bakal kehilangan satu lagi kitaran ekonomi sekiranya reformasi

yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) tidak dilindungi dan dilaksanakan sepenuhnya.

"RMK13 tidak sepatutnya dilihat sebagai visi seorang menteri kerana RMK13 adalah pelan induk negara yang lahir daripada rundingan menyeluruh dan keperluan yang mendesak.

Pada 28 Mei, Datuk Seri Rafizi Ramli sah meninggalkan Kabinet berkuasa 17 Jun ini selepas gagal mempertahankan jawatannya dalam Pemilihan Parti Keadilan Rakyat (PKR) 2025 yang lalu.

Rafizi sudah menghantar surat peletakan jawatan daripada Jemaah Menteri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rafizi gagal mempertahankan jawatan nombor dua dalam PKR selepas tewas kepada bekas Ahli Parlimen Permatang Pau, Nurul Izzah Anwar.

Malah, sebelum pemilihan lagi, Ahli Parlimen Pandan itu sudah pun menyatakan kesediaan untuk berundur daripada Kabinet sekiranya tewas.

Amanah terakhir sebagai Menteri Ekonomi sudah disampaikan dengan penghasilan RMK13 yang telah dimuktamadkan dan menunggu untuk dibentangkan di Parlimen dalam sidang seterusnya.